

05 SEP 1998

Komanwel-Edward

PUTERA EDWARD TIBA ISNIN INI

Oleh: David Chelliah

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Presiden Persekutuan Sukan Komanwel (CGF), Putera Edward, akan mempunyai jadual lawatan yang padat termasuk menemui atlit dan pegawai tertentu apabila beliau tiba di Malaysia Isnin ini sempena Sukan Komanwel ke-16.

Sepanjang seminggu di negara ini, beliau akan menginap di hotel utama Sukan Komanwel iaitu Palace of the Golden Horses di Sri Kembangan dan dijadualkan berucap pada Perhimpunan Agung CGF serta melawat venue-venue sukan itu.

Putera Edward juga akan membaca perutusan Ratu Elizabeth yang terkandung dalam baton Suka Komanwel pada upacara perasmian temasya sukan itu, yang akan disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, di Stadium nasional Bukit Jalil pada 11 Sept ini.

Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98), penganjur Sukan Komanwel, berkata Putera Edward telah merancang beberapa lawatan sekitar Lembah Klang dan dijadualkan untuk makan malam bersama-sama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 12 Sept.

Seorang jurucakap Sukom 98'berkata kebanyakan masa Putera Edward akan diisi dengan melawat venue, menemui mereka yang terlibat dalam temasya sukan dan menyertai beberapa atlit terpilih untuk makan tengah hari di Perkampungan Sukan.

Beliau dijadualkan melawat Pusat Utama Akhbar (MPC) di Hotel Mint di sini dan Pusat Penyiaran Antarabangsa IBC) di Angkasapuri.

Putera Edward juga akan melawat kilang Selangor Pewter di Setapak di sini. Selangor Pewter ialah syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan pingat Sukan Komanwel.

Selain itu, beliau akan melawat Cyberjaya yang terletak dalam lingkungan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebelum berlepas pulang pada 14 Sept.

Ratu Elizabeth dan Putera Philip juga dijadualkan menyaksikan Sukan Komanwel pada 20 Sept. Ratu Elizabeth akan merasmikan penutupan temasya sukan itu keesokan harinya.

-- BERNAMA

DC NAK